

LOGO DAN NAMA SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/1**Kertas 1****Nov**

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan , iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **18** halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah perkembangan perakaunan yang berlaku pada abad ke-17 dan 18.
- A Kaedah penyimpanan rekod yang lebih tersusun dan sempurna
 - B Buku perakaunan pertama yang diterbitkan oleh Luca Pacioli
 - C Rekod perakaunan yang awal di Babylonia
 - D Perakaunan kos telah diperkenalkan
- 2 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Sakti.

Kerani akaun Perniagaan Sakti menyediakan laporan kewangan bagi urusan yang berlaku dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020

Apakah andaian perakaunan yang dipatuhi oleh Perniagaan Sakti?

- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Pemadanan
 - D Tempoh perakaunan
- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Pandu Lalu Enterprise bagi tahun berakhir 31 Mac 2021

	RM
Inventori 1 April 2020	3 500
Inventori 31 Mac 2021	2 140
Belian	11 800
Pulangan belian	420
Angkutan masuk	680

Berapakah kos jualan?

- A RM13 840
- B RM13 580
- C RM13 420
- D RM12 060

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 4 Maklumat urus niaga berikut diperoleh daripada perniagaan Kedai Buku Perintis.

Membayar hutang kepada Pembekal Gedung Buku RM7 500 dengan cek dan menerima diskaun RM300


Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang RM7500	Berkurang RM7800	Bertambah RM300
B	Bertambah RM7300	Bertambah RM7600	Bertambah RM300
C	Bertambah RM7500	Bertambah RM7800	Berkurang RM300
D	Berkurang RM7200	Berkurang RM7500	Bertambah RM300

- 5 Padanan manakah yang betul?

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
A	Peruntukan hutang ragu	Aset bukan semasa
B	Pulangan keluar	Jualan
C	Pulangan masuk	Belian
D	Ambilan	Modal

- 6



Rajah 1

Rajah 1 di atas menunjukkan aliran antara pembekal dan pembeli bagi urus niaga secara kredit. Setelah bayaran diterima, pembekal mengeluarkan X kepada pembeli sebagai bukti pembayaran.

Apakah X?

- A Resit
- B Bil tunai
- C Slip bank
- D Keratan cek

[Lihat halaman sebelah

SULIT

7 Dokumen yang berikut diambil daripada Pasar Mini Dedel.

ASAL		8613		
KEDAI KEK ANISHA 44, Jalan Melati, 83000 Batu Pahat, Johor				
INVOIS				
Kepada: Pasar Mini Dedel Lot 10, Jalan Pelangi, 83000 Batu Pahat, Johor				Tarikh: 3 April 2021
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Kek Cheese	20	60.00	1 200.00
2	Kek Batik Warisan	30	45.00	1 350.00
3	Kek Black Forest	10	65.00	650.00
				3 200.00
Tolak: Diskaun niaga 10%				320.00
Jumlah				2 880.00
(Ringgit Malaysia: Dua Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Sahaja)				
Syarat: 10% 7 hari, 5% 15 hari Serahan: Angkutan dibayar K & K di K				
<i>Dedel</i> Penerima			<i>Anisha</i> Pengurus	

Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Pasar Mini Dedel sekiranya membuat bayaran pada 12 April 2021?

- A RM2 448
- B RM2 592
- C RM2 736
- D RM2 880

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 8 Jurnal Pulangan Belian berikut diperoleh daripada Perniagaan Suri Pagi

Jurnal Pulangan Belian			
Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2021 Mei 17	Segar Sari Enterprise	4242	920

Antara yang berikut, urus niaga yang manakah berkaitan dengan Jurnal Pulangan Belian di atas?

- A Perniagaan Suri Pagi menghantar nota kredit bernilai RM920 kepada Segar Sari Enterprise
- B Perniagaan Suri Pagi menerima nota kredit bernilai RM920 daripada Segar Sari Enterprise
- C Perniagaan Suri Pagi menghantar nota debit bernilai RM920 kepada Segar Sari Enterprise
- D Perniagaan Suri Pagi menerima nota debit bernilai RM920 daripada Segar Sari Enterprise
- 9 Antara yang berikut, urus niaga yang manakah direkodkan di sebelah kredit Buku Tunai?
- A Membawa masuk RM4 000 tunai peribadi ke dalam perniagaan
- B Membeli barang niaga daripada Mawar Enterprise kredit
- C Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi
- D Jualan secara tunai kepada pelanggan
- 10 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Kedai Pakaian Aileen.

Tarikh	Butir	RM
1 Mac 2021	Jumlah penerimaan	500
31 Mac 2021	Jumlah pembayaran	360

Berdasarkan Sistem Panjar, berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang bagi bulan berikutnya?

- A RM860
- B RM500
- C RM360
- D RM140

[Lihat halaman sebelah

SULIT

11 Apakah tujuan pembahagian lejar?

- A Untuk memudahkan kerja rujukan
- B Untuk mengurangkan masa merekod
- C Untuk membolehkan pembahagian kerja merekod
- D Untuk memudahkan penyediaan penyata kewangan

12 Petikan Buku Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Dt.				Buku Tunai
Tarikh 2021	Butir	Diskaun RM	Tunai RM	Bank RM
2021 Jun 5	Kedai Maju Jaya			1 890

Catatan pengeposan ke lejar manakah yang **betul**?

A

Akaun Belum Terima: Kedai Maju Jaya

2021		RM	
Jun 5	Bank	1 890	

B

Akaun Belum Terima: Kedai Maju Jaya

	2021	RM	
	Jun 5	Bank	1 890

C

Akaun Belum Bayar: Kedai Maju Jaya

2021		RM	
Jun 5	Bank	1 890	

D

Akaun Belum Bayar: Kedai Maju Jaya

	2021	RM	
	Jun 5	Bank	1 890

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 13 Imbangan Duga di bawah dipetik daripada buku perniagaan Syarikat Bunga Raya.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2021

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Diskaun	350	
Pulangan		570

Pernyataan manakah yang menerangkan Imbangan Duga di atas?

- A** Diskaun Diberi RM350
Pulangan Jualan RM570
- B** Diskaun Diterima RM350
Pulangan Belian RM570
- C** Diskaun Diberi RM350
Pulangan Belian RM570
- D** Diskaun Diterima RM350
Pulangan Jualan RM570
- 14 Berikut ialah inventori NoorZie Butik pada 31 Disember 2020.

Butir	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Baju Kurung	2 460	2 220
Baju Kemeja Batik	3 170	3 450

Catatan Jurnal Am manakah yang **betul**?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Inventori Akhir	5 390	
	Akaun Perdagangan		5 390
B	Akaun Perdagangan	5 390	
	Inventori Akhir		5 390
C	Inventori Akhir	5 630	
	Akaun Perdagangan		5 630
D	Akaun Perdagangan	5 630	
	Inventori Akhir		5 630

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Sumayyah bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021.

	RM
Kenderaan	40 000
Inventori 1 April 2020	6 800
Inventori 31 Mac 2021	5 300
Overdraf Bank	2 500
Akaun Belum Terima	7 600
Akaun Belum Bayar	4 900

Berapakah modal kerja?

- A RM 5 100
 B RM 5 500
 C RM 45 500
 D RM 52 300
- 16 Berikut adalah lejar yang diambil daripada buku perniagaan Kedai Pakaian Fatimah.

Akaun Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
		RM			RM
2020 Mac 31	X	13 810	2020 Mac 5	Tunai	540
			15	Bank	3 200
			21	Bank	2 860
			31	Y	Z
		13 810			13 810

Apakah **X**, **Y** dan **Z**?

	X	Y	Z
A	Akaun Perdagangan	Akaun Belum Bayar	RM7 210
B	Akaun Untung Rugi	Akaun Belum Bayar	RM6 600
C	Akaun Perdagangan	Akaun Belum Terima	RM7 210
D	Akaun Untung Rugi	Akaun Belum Terima	RM6 600

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 17 Pemilik perniagaan Inas Enterprise telah membeli insurans untuk kedainya pada 1 Jun 2020 dengan premium berjumlah RM900 setahun. Tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember 2020.

Pelarasan manakah yang menerangkan pernyataan di atas?

- A Insurans prabayar RM375
 - B Insurans prabayar RM450
 - C Insurans belum bayar RM375
 - D Insurans belum bayar RM450
- 18 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada Perniagaan A2Z.

Perniagaan A2Z
Imbangan Duga pada 31 Julai 2021

Butir	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	4 000	
Peruntukan Hutang Ragu		150

Maklumat tambahan:

Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima.

Apakah kesan pelarasan di atas terhadap hasil atau belanja syarikat?

- A Hasil bertambah RM70
 - B Hasil bertambah RM80
 - C Belanja bertambah RM70
 - D Belanja bertambah RM80
- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Sate Ria.

Sebuah van dibeli pada 1 Oktober 2018 dengan harga RM80 000. Kenderaan ini disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Mac setiap tahun.

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan pada 31 Mac 2020?

- A RM11 000
- B RM11 600
- C RM15 200
- D RM18 440

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

- 20 Petikan Akaun Pelupusan Mesin berikut telah diperoleh daripada perniagaan Bersatu Trading setelah sebuah mesin dijual pada harga RM4 030 dan terima cek.

Akaun Pelupusan Mesin			
2020	RM	2020	RM
Dis 31	Mesin	3 500	700
		Dis 31	Susut nilai terkumpul mesin

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi atas pelupusan mesin RM1 230
 - B Rugi atas pelupusan mesin RM6 830
 - C Untung atas pelupusan mesin RM1 230
 - D Untung atas pelupusan mesin RM6 830
- 21 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis kesilapan.

Jualan tunai terlebih catat sebanyak RM60 dalam Akaun Jualan dan Buku Tunai

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan saling mengimbangi
 - B Kesilapan songsang
 - C Kesilapan komisen
 - D Kesilapan prinsip
- 22 Berikut adalah petikan Imbangan Duga yang diperoleh daripada Syarikat Karim.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot (kos)	5 800	
Belanja membaiki	350	
Belian	12 450	

Maklumat tambahan :

- (i) Belanja membaiki perabot RM140 tersilap rekod ke dalam Akaun Perabot.

Penyata kewangan yang manakah **betul** setelah kesilapan (i) dibetulkan?

[Lihat halaman sebelah

SULIT

A Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

	RM	
Belanja membaiki perabot	140	

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

<u>Aset Bukan Semasa</u>	RM	
Perabot	5 660	

B Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

	RM	
Belanja membaiki perabot	490	

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

<u>Aset Bukan Semasa</u>	RM	
Perabot	5 660	

C Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

	RM	
Belanja membaiki perabot	210	

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

<u>Aset Bukan Semasa</u>	RM	
Perabot	5 940	

D Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

		RM
	Belanja membaiki perabot	490

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

<u>Aset Bukan Semasa</u>	RM	
Perabot	5 660	

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada dua buah firma yang menjalankan perniagaan menjual alatan sukan.

Firma Kepayang	
Nisbah semasa	2 : 1

Firma Selayang	
	RM
Modal pada 1 Januari 2020	198 000
Aset semasa	217 800
Aset bukan semasa	119 020
Liabiliti semasa	121 000
Untung bersih	18 820

Pernyataan manakah yang **betul** berkaitan keupayaan firma-firma di atas membayar liabiliti semasa?

- A Firma Selayang lebih baik kerana setiap RM1.00 liabiliti semasanya, firma mempunyai aset semasa RM1.80 untuk menjelaskannya
- B Firma Kepayang lebih baik kerana setiap RM1.00 liabiliti semasanya, firma mempunyai aset semasa RM2.00 untuk menjelaskannya
- C Firma Selayang lebih baik kerana firma mempunyai aset semasa RM1.00 untuk menjelaskan setiap RM1.80 liabiliti semasanya
- D Firma Kepayang lebih baik kerana firma mempunyai aset semasa RM1.00 untuk menjelaskan setiap RM2.00 liabiliti semasanya
- 24 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** implikasi daripada rekod perniagaan tidak lengkap?
- A Untung rugi sukar ditentukan
- B Imbangan Duga tidak dapat disediakan
- C Penyata Kewangan tidak dapat disediakan dengan tepat
- D Kesilapan mudah dikesan dan penyelewengan dapat dielakkan
- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Pangeran yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap pada 31 Ogos 2021.

	RM
Modal Awal	19 000
Modal Akhir	27 500
Ambilan	800
Untung Bersih	5 600

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Berapakah modal tambahan perniagaan tersebut?

- A RM 2 900
- B RM 3 700
- C RM 8 500
- D RM 13 300

- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Puteri yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

Buku Tunai (Ringkasan)			
Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Jualan	7 760	Akaun Belum Bayar	5 530
Akaun Belum Terima	4 560	Belian	2 380

Maklumat tambahan :

- (i) Baki-baki pada 1 Januari 2020 dan 31 Disember 2020 :

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Akaun Belum Terima	1 860	1 590
Akaun Belum Bayar	1 230	1 160

- (ii) Pulangan jualan RM 270

- (iii) Pulangan belian RM 320

Berapakah jumlah belian sepanjang tahun 2020?

- A RM 5 460
- B RM 5 780
- C RM 7 840
- D RM 8 160

- 27 Antara yang berikut, aspek kawalan tunai yang manakah **betul** bagi sesebuah perniagaan?

- I Menggunakan dokumen sumber yang bernombor siri
- II Ramai pegawai terlibat dalam penerimaan dan pembayaran tunai
- III Pegawai yang sama ditugaskan untuk meluluskan dan membuat pembayaran
- IV Pegawai yang berlainan melakukan tugas menerima, merekod tunai dan memegang tunai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 28 Maklumat berikut menunjukkan baki Buku Tunai dan Penyata Bank sebuah perniagaan pada 1 Januari 2021.

Buku Tunai (Ruangan Bank Sahaja)

	2021		RM
	Januari 1		500

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2021			RM	RM	RM
Januari 1	Baki				360
	Cek	3 350	860		(500)

Apakah punca terdapat perbezaan baki awal Buku Tunai dengan baki Penyata Bank di atas?

- A Cek belum dikemukakan
 - B Caj bank yang dikenakan
 - C Deposit belum dikreditkan
 - D Bayaran terus oleh pelanggan
- 29 Anggaran belian berikut dimiliki oleh Perniagaan Sri Jaya.

	RM
Mac	4 050
April	6 450

Maklumat tambahan :

80% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya dibayar pada bulan berikutnya.

Berapakah bayaran pada bulan April?

- A RM4 530
- B RM5 160
- C RM5 970
- D RM6 450

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 30 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Adi dan Wira pada 31 Disember 2020 yang berkongsi untung dan rugi sama rata.

	RM
Untung Bersih	12 750
Faedah atas Ambilan	280
Faedah atas Modal	950
Gaji Wira	6 130

Maklumat tambahan :

Gaji yang telah dibayar kepada Wira sebanyak RM3 000.

Berapakah kongsi untung setiap pekongsi?

- A RM2 975
 B RM3 645
 C RM4 475
 D RM4 540
- 31 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang menyebabkan akaun modal berbaki debit pada tarikh pembubaran?
- I Rugi realisasi kurang daripada jumlah modal
 II Sumbangan modal pekongsi yang tinggi
 III Nilai aset yang diambil alih tinggi
 IV Ambilan yang tinggi
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 32 Catatan bergu yang manakah yang **betul** untuk merekodkan terbitan syer biasa?

	Debit	Kredit
A	Akaun Modal Syer Biasa	Akaun Permohonan Syer Biasa
B	Akaun Permohonan Syer Biasa	Akaun Modal Syer Biasa
C	Akaun Bank	Akaun Modal Diterbitkan
D	Akaun Modal Diterbitkan	Akaun Bank

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 33 Encik Amir Wajdi memiliki 5 000 unit Syer Biasa Syarikat Beta Berhad. Syarikat Beta Berhad memutuskan untuk membayar Dividen Akhir sebanyak RM 0.20 sesyer.

Berapakah jumlah dividen yang diterima oleh En Amir Wajdi ?

- A RM1 000
 B RM4 000
 C RM5 000
 D RM6 000
- 34 Padanan istilah manakah yang **betul** bagi menunjukkan perbandingan antara kelab dan persatuan dengan entiti perniagaan?

	Kelab dan Pesatuan	Entiti Perniagaan
A	Lebihan	Untung Kasar
B	Kurangan	Ambilan
C	Dana Terkumpul	Ekuiti Pemilik
D	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	Buku Tunai

- 35 Maklumat berikut menunjukkan penerimaan dan pembayaran Persatuan Memanah At Toyyib sepanjang bulan Ogos 2021

	RM
Baki 1 Ogos 2021	500
Penerimaan	
Yuran	1 000
Derma	250
Yuran masuk	320
Pembayaran	
Belanja Am	60
Alatan pejabat	280
Surat khabar dan majalah	50

Berapakah baki Akaun Penerimaan dan Pembayaran pada 31 Ogos 2021?

- A RM890
 B RM1 180
 C RM1 570
 D RM1 680

[Lihat halaman sebelah

SULIT

36 Maklumat berikut dipetik daripada buku Kelab Membaca Taman Manis 2.

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Yuran Belum Terima	450	445
Yuran Belum Terperoleh	395	396

Maklumat tambahan :

- i. Jumlah yuran yang telah diterima untuk tahun 2020 ialah sebanyak RM 7 848
- ii. Yuran yang diterima bagi tahun 2019 ialah sebanyak RM250. Yuran yang masih belum diterima bagi tahun tersebut hendaklah dihapuskan sebagai yuran lapuk.

Berapakah jumlah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 ?

- A RM7 842
- B RM8 042
- C RM8 054
- D RM8 152

37 Maklumat pendapatan dan perbelanjaan Kelab Budaya TSW bagi tahun berakhir 30 September 2020 adalah seperti berikut:

	RM
Modul Kursus Kecemerlangan Budaya	2 000
Hadiah pertandingan	3 600
Yuran ahli	19 000
Yuran pertandingan	5 600
Honorarium	2 400
Derma kepada rumah anak yatim	200

Berapakah lebihan kelab ini bagi tahun berakhir 30 September 2020?

- A RM16 400
- B RM16 700
- C RM22 000
- D RM20 800

[Lihat halaman sebelah

SULIT

38 Antara yang berikut, item manakah yang dikelaskan dalam komponen kos pengeluaran?

- I Inventori barang siap
- II Upah buruh langsung
- III Bil air dan elektrik kilang
- IV Susut nilai alatan pejabat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Data di bawah diambil daripada firma pengeluaran Perabot Ababa bagi bulan Mac 2021.

	RM
Belian bahan langsung	35 000
Buruh langsung	12 000
Royalti	5 000
Kos overhed	13 800
Inventori awal bahan langsung	1 200
Inventori akhir bahan langsung	1 000

Berapakah Kos Prima bagi Perabot Ababa?

- A RM 47 200
- B RM 52 000
- C RM 52 200
- D RM 66 000

40 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Mutiara Berhad yang mengeluarkan sos cili.

Titik Pulang Modal	600 botol
Kos tetap	RM1 500
Kos berubah	RM5 sebotol

Berapakah harga jualan sebotol sos cili?

- A RM5.50
- B RM6.00
- C RM7.00
- D RM7.50

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah

SULIT